

14 pelajar cemerlang UNISSA ikuti Program Pengajian Luar Negara



PARA pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang berjaya mengikuti Program 'Pengajian Luar Negara' atau Study Abroad Programme (SAP) bergambar ramai semasa Majlis Doa Kesyukuran bagi pelajar berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal

Pelajar petang semalam telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bagi pelajar-pelajar UNISSA yang mengikuti Program

'Pengajian Luar Negara' atau Study Abroad Programme (SAP).

Majlis ini adalah sebagai tanda penghargaan dan juga sokongan kepada pelajar yang terpilih dalam mengikuti program bagi Sesi Pengajian 2017 / 2018 di mana pemilihan pelajar mengikuti program ini adalah berpandukan

kepada keputusan cemerlang yang diperolehi dalam bidang akademik di samping penglibatan yang aktif dalam bidang kokurikulum.

Seramai 14 pelajar UNISSA yang cemerlang dan layak akan mengikuti SAP di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Universiti Jordan;

Universiti Sultan Qabus, Oman; Universiti Sharjah, Emiriyah Arab Bersatu; Universiti Sains Islam Malaysia; dan Universiti Yarmouk, Jordan.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa hadir selaku tetamu kehormat menyeru para pelajar yang terpilih agar mempunyai semangat kental dalam menghadapi pelbagai dugaan ketika mengikuti pengajian di luar negara.

Para pelajar tegasnya perlu menimba ilmu sebanyak mungkin, dan mendapatkan pengalaman, serta mempelajari budaya positif di samping perlunya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti berkebiasaan semasa berada di perantauan.

Bagi menyahut seruan Rektor UNISSA itu, para pelajar yang terpilih telah menyatakan kesungguhan dan keazaman dalam melaksanakan peluang ini untuk menimba lebih banyak ilmu dan pengalaman dan akan mengaplikasikan segala pengetahuan untuk kemajuan agama bangsa dan negara.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Dekan Pelajar selaku Pengerusi Majlis, Awang Supri bin Haji Sudin; timbalan rektor dan pegawai-pegawai utama.

Sambutan Penubuhan Ulang Tahun ASEAN Ke-50 meriah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Ogos. - Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) menyambut Ulang Tahun Ke-50 penubuhannya pada 8 Ogos yang lalu.

Bagi meraikan sambutan tersebut, Pameran ASEAN @ 50 telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang menampilkan ekspo pameran dan jualan produk-produk negara ASEAN.

Suasana pameran dimeriahkan lagi dengan persembahan kebudayaan dan tayangan filem dari negara-negara ASEAN seperti Persembahan Permainan Muzik Gulintangan dan Tarian Asli Samalindang oleh Negara Brunei Darussalam; Tarian Zapin dan Persembahan Nyanyian Serambi Pantun Inang Labuan oleh Malaysia; dan tayangan filem dari Singapura bertajuk '7 Letters'.

Pada pameran tersebut, Pelita Brunei telah menemu bual beberapa orang yang hadir dan terlibat dalam menjayakan pameran berkenaan.

Menurut Setiausaha Pertama Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan, Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam, Shinta Hapsari, pameran tersebut bermatlamat untuk mengetengahkan dan memperkenalkan negara ASEAN kepada orang Brunei khususnya yang belum pernah mengunjungi negara ASEAN.

"Petak pameran kami memaparkan tempat-tempat menarik yang terdapat di seluruh Indonesia. Pembuatan pelengkapan hingga pesawat-pesawat terbang dan kapal-kapal



ANTARA persembahan kebudayaan yang ikut serta dalam Pameran ASEAN @ 50 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berita dan Foto :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

militari dari Indonesia sendiri juga dipamerkan. Kami juga menampilkan foto-foto ASEAN dari tahun ke tahun. Orang ramai bolehlah melihat dengan lebih dekat lagi mengenai negara kami," jelasnya.

Tanit A-Mornthap dari Thailand, merupakan salah seorang pelajar International School Brunei (ISB) yang ikut serta dalam penjualan produk berupa makanan kering dari Thailand berjenama 'Doi Kham'.

"Sambutan daripada orang

ramai sejak kelmarin begitu menggalakkan sekali dan mereka sangat teruja melihat petak-petak pameran yang dipamerkan oleh negara-negara yang terlibat di dalam membangunkan ASEAN," katanya.

Selain itu, tambahnya, para pengunjung boleh mengenali budaya dan sosial setiap negara anggota ASEAN dan saling bertukar-tukar pendapat serta berkongsi pengalaman di antara satu dengan yang lain.



SETIAUSAHA Pertama Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan, Kedutaan Besar Republik Indonesia di Negara Brunei Darussalam, Shinta Hapsari.



PELAJAR International School Brunei, Tanit A-Mornthap dari Thailand yang ikut serta dalam penjualan produk berupa makanan kering berjenama 'Doi Kham'.